



30 November 2017
30 November 2017
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

LAND ACQUISITION RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
PENGAMBILAN TANAH

2. Permohonan
3. Deposit
4. Deposit tambahan
5. Pertimbangan Pentadbir Tanah
6. Pertimbangtelitian Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7. Laporan penuh perundingan
8. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri
9. Penarikan balik permohonan

BAHAGIAN III
PENDUDUKAN ATAU PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH

10. Permohonan
11. Deposit
12. Pemulihan Tanah

BAHAGIAN IV
PEMBATALAN DAN KECUALIAN

13. Pembatalan dan peruntukan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Akta Pengambilan Tanah, 1960) 1974 [*P.U. (A) 81/1974*], Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Pengambilan Tanah 1960) 2002 [*P.U. (A) 200/2002*] dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pengambilan Tanah) 2009 [*P.U. (A) 455/2009*], Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017**.

(2) Kaedah-kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

BAHAGIAN II
PENGAMBILAN TANAH

Permohonan

2. (1) Suatu permohonan bagi pengambilan mana-mana tanah di bawah perenggan 3(1)(b) atau (c) Akta hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Pentadbir Tanah dalam Borang 1 Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah ini dan dokumen lain yang dinyatakan dalam perenggan 3(3)(a), (b) dan (c) Akta.

Deposit

3. (1) Pemohon yang membuat permohonan di bawah subkaedah 2(1) hendaklah membayar deposit pada kadar satu ratus dua puluh lima peratus daripada nilai pasaran yang dianggarkan tanah yang hendak diambil itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3(3)(c) Akta.

(2) Pembayaran deposit hendaklah mengikut cara yang berikut:

(a) lima puluh peratus daripada deposit itu hendaklah dikemukakan bersama dengan permohonan; dan

(b) tujuh puluh lima peratus baki deposit hendaklah dikemukakan semasa penyetujuteraan terma dan syarat kelulusan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 8(2)(c) Kaedah-Kaedah ini.

(3) Deposit di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar dalam bentuk draf bank.

Deposit tambahan

4. (1) Deposit tambahan boleh dikenakan kepada pemohon jika pampasan yang diawardkan di bawah seksyen 14 Akta atau amaun yang dituntut oleh orang yang berkepentingan yang dibuat di hadapan Pentadbir Tanah di bawah seksyen 12 Akta lebih tinggi daripada deposit yang dibayar di bawah subkaedah 3(1).

(2) Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan Borang 2 Jadual Pertama yang menghendaki pemohon untuk membayar deposit tambahan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan Borang itu.

Pertimbangan Pentadbir Tanah

5. (1) Jika Pentadbir Tanah berpuas hati dengan permohonan di bawah subkaedah 2(1) dan terdapat kelulusan pembangunan diberikan, Pentadbir Tanah hendaklah menghantar permohonan itu berserta dengan dokumen iringan kepada